

18/5/2015

Kenyataan Media oleh Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)  
dan PBA Holdings Bhd.

## **PENJAJA DI PULAU PINANG BAYAR KURANG DARIPADA PURATA TARIF KEBANGSAAN UNTUK BEKALAN AIR**

- **Penjaja Pulau Pinang membayar purata tarif perniagaan RM1.36 bagi setiap 1,000 liter berbanding purata kebangsaan RM1.45.**
- **Penjaja Pulau Pinang bayar kurang daripada yang dibayar oleh sektor pembinaan.**
- **Harga makanan penjaja adalah lebih dipengaruhi oleh GST, elektrik dan petrol kos berbanding kos air.**

PULAU PINANG, Isnin, 18/5/2015: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin memberi jaminan kepada penjaja di Pulau Pinang, apa yang mereka bayar adalah kurang daripada purata tarif perniagaan kebangsaan untuk bekalan air.

Sebagai pengguna perniagaan, penjaja Pulau Pinang ketika ini membayar purata tarif perniagaan sebanyak RM1.36 bagi setiap 1,000 liter untuk 500,000 liter pertama air setiap bulan, berbanding dengan purata kebangsaan sebanyak RM1.45.

Pengguna perniagaan, termasuk penjaja, di 7 negeri lain membayar lebih untuk bekalan air. Di Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Selangor dan Johor (dan juga di Putrajaya dan Kuala Lumpur), purata tarif perniagaan untuk 500,000 liter pertama setiap bulan berada di antara RM1.40 - RM2.93. Di Pulau Pinang, ia hanya RM1.36.

Beberapa pihak baru-baru ini mendakwa penjaja Pulau Pinang sedang "dibebankan" dengan tarif air, dan "dilayan secara tidak adil" berbanding dengan sektor pembinaan. Tuduhan ini, seperti yang disiarkan dalam laporan berita, adalah salah dan mengelirukan.

*Sila rujuk Appendix "A" untuk perbandingan tarif perniagaan di Malaysia.*

### **PENJAJA BAYAR KURANG DARIPADA YANG DIBAYAR OLEH SEKTOR PEMBINAAN**

PBAPP juga ingin menjelaskan bahawa penjaja Pulau Pinang bayar kurang untuk air daripada apa yang dibayar oleh sektor pembinaan di Pulau Pinang.



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

Sila maklum bahawa penjaja dibilkan tarif kategori "Perniagaan Biasa" manakala sektor pembinaan dibilikan mengikut tarif kategori "Perdagangan Khas" untuk "Bekalan Cementara -. Pembinaan / Pengubahsuaian."

Pada 30 Julai 2014, PBAPP mengemukakan cadangan akhir Kajian Semula Tarif Air Pulau Pinang 2015 (PWTR 2015) kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Dalam cadangan akhir berkenaan, tarif kadar rata dicadangkan untuk "Bekalan Cementara - Pembinaan / Ubahsuaian" adalah RM3.00 bagi setiap 1,000 liter.

Pada 10 September 2014, Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng mengumumkan rebat 35% ke atas cadangan tarif kadar rata RM3.00 bagi menyokong industri pembinaan di Pulau Pinang.

Oleh itu, kadar rata untuk "Bekalan Cementara - Pembinaan Bangunan / Pengubahsuaian" kini dibilikan pada RM1.95 bagi setiap 1,000 liter.

Jadi, untuk lebih jelas lagi:

- Penjaja bayar purata RM1.36 bagi setiap 1,000 liter bagi 500,000 liter air yang pertama setiap bulan.
- Sektor pembinaan bayar RM1.95 setiap 1,000 liter.
- Sektor pembinaan bayar RM0.59 lebih daripada yang dibayar oleh penjaja.

### BEKALAN AIR DIBIL SETIAP 1,000 LITER

PBAPP ingin menegaskan bahawa bekalan air dibilikan bagi penggunaan setiap 1,000 liter air setiap bulan. 1,000 liter air adalah lebih kurang sama dengan jumlah isipadu air yang terkandung dalam 667 "botol air minuman atau mineral sebesar 1.5 liter."

Dalam erti kata lain, penjaja di Pulau Pinang membayar purata tarif hanya 0.136 sen bagi setiap liter air (RM1.36 dibahagi dengan 1,000 liter).

Sebagai perbandingan, harga petrol RON95 adalah RM1.95 seliter pada 1 Mei 2015 atau lebih daripada 1,400 kali lebih tinggi daripada purata tarif perniagaan bagi 500,000 liter yang pertama sebulan di Pulau Pinang. Sementara itu, harga sebotol 1.5 liter air minum / mineral adalah dari RM1.20 setiap botol atau kira-kira 880 kali lebih mahal.

Pada hanya RM1.36 bagi setiap 1,000 liter, tarif air mempunyai kesan paling kurang kepada kos makanan penjaja di Pulau Pinang berbanding dengan kos GST, elektrik dan petrol.

Oleh itu, apa-apa peningkatan dalam harga makanan penjaja di Pulau Pinang berkemungkinan disebabkan kos petrol atau elektrik, serta GST 6% yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan ke atas harga kebanyakan barang makanan mentah dan diproses yang digunakan setiap hari oleh penjaja di seluruh Malaysia.



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

Perlu juga dinyatakan yang Kerajaan Persekutuan juga telah mengenakan GST 6% ke atas bil air untuk kegunaan perniagaan di seluruh Malaysia, berkuat kuasa 1 April 2015.

### JIMAT AIR UNTUK JIMAT WANG DAN KURANGKAN KOS

Salah satu daripada keutamaan PBAPP ketika ini adalah untuk mengelakkan catuan air di Pulau Pinang walau apa cara sekalipun.

Akibat perubahan iklim, pertumbuhan penduduk dan kemajuan ekonomi, PBAPP menggalakkan lagi penjimatan air bagi memastikan bekalan air mencukupi bagi Pulau Pinang selepas Tahun 2020.

PWTR 2015 adalah inisiatif pengurusan permintaan air yang distrukturkan bagi mengurangkan penggunaan per kapita domestik di Pulau Pinang daripada 293 liter / kapita / hari (l / k / h) kepada 260 l / k / h. Ini akan membantu memastikan Pulau Pinang mempunyai air yang mencukupi selepas Tahun 2020 kerana Kerajaan Persekutuan telah melewatkannya Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Walaupun tujuan utama PWTR 2015 untuk mengurangkan penggunaan domestik, ia juga bagi menggalakkan penjimatan air di kalangan pengguna perniagaan, termasuk penjaja. Dengan menjimatkan air secara aktif, penjaja boleh menjimatkan wang dan mengurangkan kos

Seperti yang dinyatakan, PBAPP telah memastikan penjaja Pulau Pinang membayar kurang daripada purata kebangsaan bagi bekalan air mereka. Sebagai balasannya, Kami berharap penjaja Pulau Pinang akan jimat air dan menggunakan dengan bijak.

Dengan demikian, penjaja juga akan membantu PBAPP memastikan kelestarian bekalan air di Pulau Pinang selepas Tahun 2020.


Terima kasih.

Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)  
dan PBA Holdings Bhd.

Dikeluarkan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd  
Hubungi: Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications Unit  
Tel : 04-201 3231  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



**TRADE TARIFFS IN MALAYSIA**



Sarawak 1: Sibu, Kuching, Sri Aman, Limbang, Saribas, Kapit, Miri | Sarawak 2: Bintulu | Sarawak 3: Other Areas